

Aab

Mahathir - Pelaburan

(i)

Dari pada Zainoor Sulaiman

BOSTON, 20 Mei (Bernama) -- Malaysia berharap dapat mengurangkan masalah pengangguran dengan menggalakkan pertumbuhan sektor perkilangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi.

+Penekanan khusus sedang diberikan kepada sektor ini dengan menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia kerana ia boleh membuka banyak peluang untuk tenaga kerja, kata beliau.

Dengan pembukaan lebih banyak kilang, kerajaan berharap dapat mengurangkan masalah pengangguran yang dihadapi sekarang termasuk di kalangan siswazah, kata Datuk Seri Dr Mahathir semasa bersialog dengan 200 pelajar pada perjumpaan Hari Raya yang diadakan oleh beliau.

Antara yang hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di Amerika Syarikat Haji Abdul Rahman Yeop, Presiden Kelab UMNO Boston Encik Yusof Ahmad dan Presiden Persatuan Malaysia di Boston Encik Mukhriz Mahathir, anak Perdana Menteri, yang bertanggungjawab menganjurkan perjumpaan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata bahawa usahawan asing memberi sambutan yang sangat hebat untuk melabur di Malaysia. -- Lagi.

Aab

Mahathir - Pelaburan 2 Boston

(i)

Beliau berkata bilangan permohonan untuk menubuhkan industri baru meningkat dua-setengah kali tahun ini dan ini membayangkan keyakinan pemodal asing kepada kestabilan negara.

Beliau berharap lebih banyak usahawan Malaysia menyertai sektor perkilangan.

Sebagai contoh, katanya, walaupun Malaysia merupakan pengeksport terbesar mikrochip sejak 20 tahun lepas, pemodal tempatan masih enggan melabur dalam sektor itu walaupun banyak rakyat Malaysia yang sudah mempunyai kepakarannya.

Usahawan Malaysia juga perlu mempelbagaikan aktiviti pelaburan mereka selain daripada bidang-bidang seperti perniagaan runcit, hartanah, pembinaan, perladangan dan perlombongan. -- Lagi.

D799

U B645 AAB

MAHATHIR - PELABURAN 3 BOSTON

(I)

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, PERDANA MENTERI MENAFIKAN DAKWAAN YANG SERING DIBUAT OLEH KALANGAN PEMBANGKANG KONONNYA DASAR ITU HANYA MEWUJUDKAN SEKUMPULAN KECIL JUTAWAN BUMIPUTERA.

BELIAU BERKATA BAHAWA WALAUPUN NEGARA TIDAK AKAN MENCAPAI SEPENUHNYA MATLAMAT DEB APABILA TEMPOHNYA TAMAT TAHUN DEPAN, SETIAP ORANG RAKYAT -- BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA -- SUDAH MENGECAPI FAEDAHNYA.

KATANYA, DEB TIDAK BERERTI MEMBERI SAHAM DAN LEBIH BANYAK PELUANG KEPADA BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN SEMATA-MATA, TETAPI JUGA BERERTI MENAMBAHKAN KEMUDAHAN PELAJARAN TERMASUK MENGHANTAR PELAJAR KE SEBERANG LAUT, MEMBINA LEBIH BANYAK HOSPITAL DAN SEKOLAH DI LUAR BANDAR DAN MENGADAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENIKMATI TARAF HIDUP YANG LEBIH TINGGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MPEN) YANG MENGANSDUNGI WAKIL DARIPADA SEGENAP LAPANGAN TERMASUK PEMBANGKANG, UNTUK MEMBANTU KERAJAAN MENGGUBAL DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS DEB.

KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK MENGGUBAL SATU DASAR EKONOMI NEGARA YANG AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA, DENGAN MENGAMBIL KIRA PENDAPAT ANGGOTA MPEN DAN KALANGAN LAIN JUGA. -- LAGI.

1448MST 20 05 89

DB19

U B649 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 4 BOSTON
(I)

MENGENAI KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN MINYAK KELAPA SAWIT DI AMERIKA SYARIKAT, PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN MINYAK SAWIT MERUPAKAN DUA PERATUS SAHAJA DARIPADA MINYAK MAKAN DI AS, KERAJAAN BIMBANG KALAU-KALAU KEMPEN ITU AKAN MENJEJASKAN EKSPORT MINYAK ITU KE NEGARA LAIN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA PADA MASA INI MENGEKSPORT KIRA-KIRA SEJUTA TAN METRIK KOMODITI ITU KE INDIA AND 600,000 TAN METRIK KE PAKISTAN.

WALAUPUN DAKWAAN OLEH KUMPULAN PENGELUAR KACANG SOYA KONONNYA MINYAK SAWIT BERACUN DAN MEMBAHAYAKAN KESIHATAN ITU TIDAK BENAR SAMA SEKALI, NEGARA LAIN MUNGKIN TERPENGARUH DENGAN KEMPEN ITU.

SETAKAT INI, KONGRES AMERIKA MENOLAK RANG UNDANG-UNDANG UNTUK MELABELKAN MINYAK SAWIT SEBAGAI BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN, KATANYA.

MENGENAI ALAM SEKITAR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA MEMBANGUN YANG PERTAMA MENUBUHKAN KEMENTERIAN ALAM SEKITAR BERTUJUAN UNTUK MELINDUNGI NEGARA DARIPADA PENCEMARAN DAN BAHAYA LAIN TERHADAP ALAM SEKITAR.

LANGKAH KERAJAAN UNTUK MENEMPATKAN SEMULA KAUM PENAN DI SARAWAK MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PROGRAM PEMELIHARAAN HUTAN, DI SAMPING MEMBAWA MEREKA KE DALAM ARUS MASYARAKAT, SUPAYA KERAJAAN DAPAT MEMBERIKAN PELBAGAI KEMUDAHAN HIDUP MODEN KEPADA MEREKA. -- LAGI.
1547MST 20 05 89

DB23

U B652 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 5 BOSTON
(I)

BELIAU BERKATA PERTANIAN PINDAH YANG DIAMALKAN OLEH KAUM ITU MENYEBABKAN WUJUDNYA KAWASAN TANAH YANG GONDOL DI SANA SINI DALAM KAWASAN HUTAN TROPIKA.

SEBALIKNYA, DALAM MENGELUARKAN BALAK DARI HUTAN, CUMA POKOK YANG TERPILIH DAN SUDAH MATANG SAHAJA DIBENARKAN UNTUK DITEBANG, BAGI MEMBOLEHKAN POKOK BARU TUMBUH DALAM PERSEKITARAN YANG SEMULA JADI.

MEREKA YANG MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU DIHIBURI DENGAN LAGU-LAGU HARI RAYA OLEH KOMBO MALAYSIA BERKELEE, YANG MENGANDUNGI PELAJAR MALAYSIA DI KOLEJ MUZIK BERKELEE.

SEMALAM PERDANA MENTERI MENEMUI PELAJAR MALAYSIA DI NEW YORK DI BANGUNAN PERWAKILAN MALAYSIA DI BANGSA-BANGSA BERSATU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DR. SITI HASMAH TIBA DI SINI UNTUK MENGHADIRI KONVOKESYEN ANAKNNYA MUKHRIZ DARI UNIVERSITI BOSTON.

BELIAU DIJANGKA MENEMUI PRESIDEN GEORGE BUSH YANG AKAN TIBA DI SINI HARI INI UNTUK MENERIMA ANUGERAH KEHORMAT DARI UNIVERSITI ITU.
-- BERNAMA.

1558MST 20 05 89